

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, 8 April, 2019 10:00 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Taklimat ICAEW Dedah Pelajar Kepada Profesion Perakaunan Profesional



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

08 APRIL 2019 / 02 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: TISSA-UUM

TAKLIMAT ICAEW DEDAH PELAJAR KEPADA PROFESION PERAKAUNAN PROFESIONAL



UUM ONLINE: Bagi mendedahkan kepada pelajar tentang profesion perakaunan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) telah menganjurkan Taklimat ICAEW di Bilik Insan Fikir, TISSA-UUM, baru-baru ini.

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pengurus Pembangunan Perniagaan, ICAEW, Farhan Zamri di hadapan lebih 70 pelajar.

Sesi taklimat itu memberikan pendedahan tentang Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan membantu pelajar TISSA-UUM untuk meneruskan pengajian dalam bidang perakaunan profesional.

Dalam sesi itu juga, pelajar ditekankan tentang kepentingan kelayakan ICAEW dan kelebihan peluang kerja dengan memiliki kelayakan profesional tersebut.

ICAEW adalah sebuah institut akauntan bertauliah yang mempunyai keahlian perakaunan profesional terkemuka dunia yang membangun dan menyokong lebih 147,000 orang ahli di seluruh dunia.

ICAEW menyediakan pengetahuan dan bimbingan kepada ahli serta memastikan Akauntan Berkanun ICAEW memenuhi piawaian etika dan teknikal yang tertinggi.

Sebagai pakar kewangan, ICAEW bertindak dalam memenuhi kepentingan awam yang memberikan pandangan tentang perniagaan dan ekonomi yang membantu membentuk dasar dan peraturan kerajaan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)

ANJUNG
TamuUUM



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.